



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
INDEKS KOS BAHAN BINAAN
JANUARI 2024**

**Indeks harga seunit besi mencatatkan peningkatan antara 0.4 peratus hingga
3.3 peratus pada Januari 2024**

PUTRAJAYA, 13 Februari 2024 – Pada hari ini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, JANUARI 2024**. Penerbitan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan utama dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan indeks harga seunit besi merekodkan peningkatan antara 0.4 peratus hingga 3.3 peratus bagi kebanyakan kawasan pada Januari 2024 berbanding Disember 2023. Peningkatan tertinggi harga seunit besi adalah di Perak (3.3%) dan diikuti oleh Pahang (0.8%), Pulau Pinang, Kedah & Perlis dan Kuching (masing-masing 0.6 peratus).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa bagi perbandingan bulanan mengikut bahan binaan dan kawasan terpilih mencatatkan tiada perubahan dalam indeks harga seunit bagi bahan binaan seperti papan lapis, bahan kerja paip dan cat bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Indeks harga seunit keratan keluli dan logam kekal tidak berubah bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak manakala terdapat sedikit penurunan dalam indeks harga bahan ini bagi kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-0.8%), Johor (-0.3%), Kota Kinabalu (-0.1%) dan Sandakan (-2.2%). Selain daripada itu, terdapat peningkatan

kecil direkodkan dalam indeks harga bahan ini bagi kawasan Perak (0.9%) dan Kuching (0.2%).

Perbandingan bulanan juga turut mencatatkan indeks seunit harga simen kekal tidak berubah bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada Januari 2024. Terdapat sedikit peningkatan dalam indeks harga bahan bagi kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (0.8%) dan Terengganu & Kelantan (0.5%).

Perbandingan tahunan untuk tempoh Januari 2023 dan Januari 2024 juga menunjukkan indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara 0.7 peratus hingga 12.0 peratus bagi kesemua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi bagi indeks harga seunit simen telah dicatatkan bagi Pulau Pinang, Kedah & Perlis (12.0%) dan diikuti oleh Terengganu & Kelantan (11.8%). Indeks harga seunit besi pula mencatatkan peningkatan antara 0.7 peratus hingga 4.0 peratus bagi Januari 2024 berbanding bulan yang sama tahun lalu. Namun begitu, kawasan yang mencatatkan penurunan indeks harga seunit besi adalah di Miri (-4.0%), Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (-3.0%) dan Sandakan (-2.3%).

Ketua Perangkawan Malaysia juga turut menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* adalah RM3,664.51 bagi setiap tan metrik dengan peningkatan iaitu 1.0 peratus berbanding bulan sebelumnya (Disember 2023: RM3,629.77 per tan metrik). Manakala, purata harga simen (*Ordinary Portland*) pula mencatatkan penurunan kecil iaitu 0.1 peratus dengan purata harga RM22.97 per 50 kg sekarung berbanding Disember 2023 (RM23.00 per 50 kg sekarung).

Bermula pada Januari 2024, Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan adalah berasaskan kepada tahun asas yang baharu (Januari 2023=100). Perbandingan bulanan IKB (termasuk bar keluli) bagi semua kategori bangunan pada bulan Januari 2024 mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 1.5 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia. Namun begitu, terdapat sedikit penurunan bagi IKB (termasuk bar keluli) antara negatif 0.2 peratus hingga negatif

0.5 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Johor (kecuali tiada perubahan dalam indeks bagi kategori Bangunan Kayu dan Cerucuk Kayu).

IKB (termasuk bar keluli) di Sabah pula menunjukkan peningkatan kecil iaitu antara 0.1 peratus dan 0.2 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kota Kinabalu pada Januari 2024 berbanding bulan sebelumnya. Manakala, indeks bagi hampir semua kategori bangunan di Sandakan mencatatkan penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 2.0 peratus.

Perbandingan bulanan IKB (termasuk bar keluli) di Sarawak pada Januari 2024 menunjukkan peningkatan kecil dalam indeks iaitu 0.1 peratus hingga 0.4 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kuching, Sibu dan Miri.

Berdasarkan perspektif global, laporan daripada *Mining.com* pada Januari 2024 meramalkan bahawa bijih besi mempunyai permulaan yang baik untuk tahun ini, dengan kenaikan harga dan import yang kukuh oleh China. Laporan tersebut turut menyatakan bahawa China sebagai pengguna terbesar dunia bahan mentah ini, dijangkakan akan memberikan rangsangan untuk meningkatkan permintaan.

Manakala menurut laporan *Global Steel Outlook 2024* oleh *Fitch Ratings*, tinjauan global bagi sektor keluli pada 2024 adalah neutral kerana pasaran keluli sebahagian besarnya akan seimbang dan dalam keadaan yang lebih baik berbanding setahun lalu. Laporan tersebut turut menjangkakan bahawa sektor pembuatan, industri automotif dan infrastruktur, terutamanya yang dikaitkan dengan peralihan tenaga, akan kekal sebagai pemacu permintaan utama.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 13 Februari 2024


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:


ii) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 / 1-800-88-7721

iii) Pertanyaan secara online melalui SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2023 – Januari 2024



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2023 – Januari 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
13 FEBRUARI 2024**



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
BUILDING COST INDEX, MALAYSIA
JANUARY 2024**

***The price index of steel recorded an increase between 0.4 per cent
to 3.3 per cent in January 2024***

PUTRAJAYA, February 13, 2024 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, JANUARY 2024**, today. This release provides the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said that the unit price index of steel recorded an increase between 0.4 per cent to 3.3 per cent for almost all areas in January 2024 as compared to the previous month. The highest increase in the unit price of steel were in Perak (3.3%), and followed by Pahang (0.8%), Pulau Pinang, Kedah & Perlis and Kuching (0.6% respectively).

The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that on a month-on-month comparison of selected construction materials and areas showed the unit price index remained unchanged for selected material such as plywood, plumbing materials and paints for most areas of Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

The unit price index for steel and metal sections remained unchanged for most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak, while there was a slight decrease in the price index of this material for Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-0.8%), Johor (-0.3%), Kota Kinabalu (-0.1%) and Sandakan (-2.2%). Nevertheless, a slight increase was registered in the price index of this material in Perak (0.9%) and Kuching (0.2%).

The monthly comparison also showed that the unit price index for cement remained unchanged for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in January 2024. There was a slight increase in the unit price index for this material for a few areas, namely in Pulau Pinang, Kedah & Perlis (0.8%) and followed by Terengganu & Kelantan (0.5%).

An annual comparison for the period of January 2023 and January 2024 showed that the unit price index of cement recorded an increase between 0.7 per cent to 12.0 per cent for all areas in Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak. The highest increase in the price index per unit of cement was observed in Pulau Pinang, Kedah & Perlis (12.0%), followed by Terengganu & Kelantan (11.8%). The price index per unit of steel increased between 0.7 per cent to 4.0 per cent in January 2024 as compared to the corresponding month of the previous year. Nevertheless, the areas that recorded a decrease in the unit price index of steel were in Miri (-4.0%), Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (-3.0%) and Sandakan (-2.3%).

The Chief Statistician of Malaysia further stated that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars was RM3,664.51 per metric tonne, recording a slight increase of 1.0 per cent as compared to the previous month (December 2023: RM3,629.77 per metric tonne). Meanwhile, the average price of cement (Ordinary Portland) recorded a slight decrease of 0.1 per cent with an average price of RM22.97 per 50 kg bag as compared to December 2023 (RM23.00 per 50 kg bag).

Starting from January 2024, the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region is based on a new base year (January 2023=100). The month on month of the BCI (with steel bars) for all building categories in January 2024 increased between 0.1 per cent to 1.5 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia. However, a slight decrease for BCI (with steel bars) between negative 0.2 per cent to negative 0.5 per cent was posted for almost all building categories in Johor (except Timber Building and Timber Piling that remained unchanged).

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, February 13, 2024

The BCI (with steel bars) for Sabah recorded a slight increase between 0.1 per cent and 0.2 per cent for almost all building categories in Kota Kinabalu in January 2024 as compared to the previous month. However, the index for almost all building categories in Sandakan recorded a decrease of negative 0.1 per cent to negative 2.0 per cent.

A monthly comparison of BCI (with steel bars) in Sarawak for January 2024 showed a slight increase in the index of 0.1 per cent to 0.4 per cent for almost all categories of buildings in Kuching, Sibul and Miri.

On a global perspective, a report from the Mining.com in January 2024 predicts that iron ore is having a strong start to the year, with rising prices and robust imports by China. The report adds that China as the world's largest consumer of the raw material would provide enough stimulus to increase demand.

Meanwhile, according to the Global Steel Outlook 2024 report from the Fitch Rating, the global outlook for steel sector in 2024 is neutral as steel markets will be largely balanced and in a slightly better condition than a year ago. The report also expected that manufacturing sector, automotive and infrastructure industries, especially these linked to the energy transition, will remain key demand drivers.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:

ii) Department of Statistics Malaysia: 1-800-88-7720 / 1-800-88-7721


iii) Online Enquiries through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2023 – January 2024



Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, February 13, 2024

Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2023 – January 2024



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
13 FEBRUARY 2024**